




# LEMBAGA GETAH MALAYSIA

## Malaysian Rubber Board

Ibu Pejabat Lembaga : Tingkat 18, Bangunan Getah Asli (Menara),  
148, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Peti Surat 10150, 50908 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel : +60(0)3 9206 2000 Fax : +60(0)3 2163 4492  
Email : general@lgm.gov.my Website : http://www.lgm.gov.my



Ruj. Kami / Our Ref : LGM/BEPP/UPPT/SMP/1  
Tarikh : 31 Mei 2021

### KEPADA: PEMEGANG LESEN/PERMIT PST-G LGM

Tuan/Puan,

### PERINGATAN: PROSES PEMBAHARUAN LESEN DAN PERMIT PST-G YANG TELAH TAMAT TEMPOH

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa semua pemegang lesen dan permit PST-G diberi peluang untuk memperbaharui lesen dan permit PST-G **dalam tempoh sebulan sahaja selepas tarikh tamat tempoh sah lesen/permit PST-G**. Pemegang lesen dan permit PST-G perlu **membayar fi pentadbiran dan fi lesen/permit PST-G**.

3. Berkuatkuasa mulai **2 Ogos 2021**, mana-mana pemegang lesen dan permit PST-G yang telah tamat tempoh **melebihi sebulan akan dibatalkan secara automatik**. Sekiranya permohonan diterima melebihi sebulan daripada tarikh tamat tempoh lesen/permit PST-G, ianya akan diproses sebagai **permohonan baharu** di mana siasatan akan dijalankan di premis pemohon.

4. Sehubungan itu, dihargai tuan/puan mengambil tindakan **SEGERA** untuk memperbaharui lesen/permit yang dimiliki. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bayaran pembaharuan lesen boleh dibuat melalui **Electronic Fund Transfer (EFT)** ke akaun Lembaga Getah Malaysia (LGM) (**rujuk Lampiran 1**). Pemegang lesen/permit PST-G juga **diwajibkan** untuk mengemaskini maklumat nombor telefon bimbit dan e-mel kepada pejabat LGM yang berhampiran bagi membolehkan notifikasi pembaharuan lesen/permit PST-G diterima.

5. **Tindakan penguatkuasaan sedang dijalankan oleh LGM ke atas premis-premis yang masih beroperasi tanpa lesen/permit PST-G yang sah**. Berdasarkan Peraturan 3 (1), Peraturan-Peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014, **seseorang yang beroperasi tanpa lesen yang sah boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya**. Berdasarkan Peraturan 22 (3), **mana-mana orang yang beroperasi tanpa permit PST-G yang sah boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya**.

**(Catatan: Sila abaikan notis ini jika permohonan pembaharuan lesen/permit telah dibuat)**

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAIRUL IRWAN BIN JAMALUDDIN)**

Ketua  
Unit Pelesenan dan Permit  
Bahagian Ekonomi, Pelesenan dan Penguatkuasaan  
Lembaga Getah Malaysia

### ALAMAT PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN/RESEARCH CENTRE

260, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Peti Surat 10150  
50908 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel : +60(03) 9206 2000

Lembaga Getah Malaysia, 47000 Sg. Buloh  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel : +60(0)3 6145 9400  
Faks : +60(0)3 6156 3299  
Emel : general@lgm.gov.my

Tun Abdul Razak Research Centre, Brickendonbury  
Hertford SG 13 8NL, United Kingdom.  
Tel : +44(0) 1992 584966  
Faks : +44(0) 1992 554837  
Emel : general@tarrc.tcom.co.uk

s.k: Ketua Pengarah LGM  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah Bahagian Ekonomi, Pelesenan dan Penguatkuasaan  
Pengarah Bahagian Pengembangan dan Pembangunan  
Pengarah-Pengarah Wilayah/Negeri  
Ketua Malaysian Rubber Exchange  
Ketua Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan  
Penyelia Pelesenan Negeri  
Malaysian Rubber Glove Manufacturers Association (MARGMA)  
Malaysian Rubber Products Manufacturers Association (MRPMA)  
Malaysian Rubber Processors Association (MRPA)  
Federation of the Rubber Trade Associations of Malaysia (FRTAM)  
Malaysian Estate Owners' Association (MEOA)  
Federal Land Development Authority (FELDA)  
Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA)  
Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA)  
Fail



## BAYARAN BERKAITAN LESEN DAN PERMIT PST-G LGM MELALUI *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT)

Bayaran secara EFT boleh dibuat sama ada melalui STANDARD CHARTERED BANK MALAYSIA BERHAD **ATAU** CIMB BANK BERHAD.

**NAMA BANK: STANDARD CHARTERED BANK MALAYSIA BERHAD**

<b>Nama Akaun</b>	<b>LEMBAGA GETAH MALAYSIA</b>
<b>No. Akaun</b>	<b>312100899704</b>
<b>Kod Swift Bank</b>	<b>SCBLMYKXXXX</b>
<b>No. Pendaftaran Syarikat / ID Rujukan</b>	LEMBAGAGETAH
<b>Nama Bank</b>	STANDARD CHARTERED BANK MALAYSIA BERHAD
<b>Alamat Bank</b>	36, JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
<b>Nama Penerima</b>	LEMBAGA GETAH MALAYSIA
<b>Alamat Penerima</b>	UNIT KEWANGAN DAN AKAUN, TINGKAT 5, BANGUNAN GETAH ASLI 148, JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
<b>Pegawai Bertanggungjawab</b>	NUR A'TIKAH HASAN / NORAZLELAWATI ROSLAN
<b>No. Telefon</b>	+603 – 9206 2069 / +603 – 9206 2253
<b>No. Faks</b>	+603 2161 0573
<b>E-mel</b>	<a href="mailto:seksyenhasil@lgm.gov.my">seksyenhasil@lgm.gov.my</a> <a href="mailto:uppt@lgm.gov.my">uppt@lgm.gov.my</a>

**NAMA BANK: CIMB BANK BERHAD**

<b>Nama Akaun</b>	<b>LEMBAGA GETAH MALAYSIA KUTIPAN (MYR)</b>
<b>No. Akaun</b>	<b>8000537541</b>
<b>Kod Swift Bank</b>	<b>CIBBMYKLXXX</b>
<b>No. Pendaftaran Syarikat / ID Rujukan</b>	0003267450CC
<b>Nama Bank</b>	CIMB BANK BERHAD
<b>Alamat Bank</b>	TINGKAT BAWAH, WISMA GENTING, NO 28, JLN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR
<b>Nama Penerima</b>	LEMBAGA GETAH MALAYSIA
<b>Alamat Penerima</b>	UNIT KEWANGAN DAN AKAUN, TINGKAT 5, BANGUNAN GETAH ASLI 148, JALAN AMPANG, 50450 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
<b>Pegawai Bertanggungjawab</b>	NUR A'TIKAH HASAN / NORAZLELAWATI ROSLAN
<b>No. Telefon</b>	+603 9206 2069 / +603 9206 2253
<b>No. Faks</b>	+603 2161 0573
<b>E-mel</b>	<a href="mailto:seksyenhasil@lgm.gov.my">seksyenhasil@lgm.gov.my</a> <a href="mailto:uppt@lgm.gov.my">uppt@lgm.gov.my</a>

**Nota:**

- Selepas pembayaran secara EFT selesai dilakukan, sila kemukakan maklumat dan bukti pembayaran kepada [seksyenhasil@lgm.gov.my](mailto:seksyenhasil@lgm.gov.my) dan [uppt@lgm.gov.my](mailto:uppt@lgm.gov.my) untuk pengeluaran resit. Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:-
  - Nama pembayar (**nama atas lesen / permit PST-G**)
  - Nombor lesen / permit PST-G
  - Alamat surat menyurat dan alamat premis pembayar
  - Nombor telefon pembayar
  - Jumlah bayaran
  - Tujuan bayaran – contoh: Pembaharuan Lesen
  - Lampiran – bukti pembayaran (slip pindahan bank/slip CDM/slip telegrafik transfer/dan lain-lain)
- Resit akan dikeluarkan setelah pihak LGM menerima bayaran dan maklumat-maklumat seperti dinyatakan di atas.